



WARTA



SEPTEMBER 2014
Bil : 166/9/2014

Hasil Nukilan
Nur Faizatul Camellia Rablin
Norlela Suleiman
Lela Ahmad
Allias Sahari
Rubiah Alli
Dolly Liaw
Mariam Gani
Yong Azizah Haili
Zulhaisham Sulaiman
Wyndia Linseh Adeni

TAHNIAH...

JOHAN KATEGORI BERUNIFORM ISTIADAT PERBARISAN DAN RAPAT RAKSASA SAMBUTAN PERAYAAN HARI JADI KE-78 TYT YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK PADA 13 SEPTEMBER 2014 DI PADANG MERDEKA



photo: Pia



photo: Pia



photo: Pia



AKTIVITI BULAN SEPTEMBER 2014

5 September 2014

- Perbincangan Penemuan Audit MS ISO 14001 dan OHSAS 18001 Bahagian TRI di Bilik Seminar Allamanda, Perpustakaan DBKU.

9 September 2014

- Lawatan Panel Penilai Program Pengiktirafan Pengurusan Lean (MPC).

10 September 2014

- Lab Ke-2 KFA DBKU 2014 - Penglibatan komuniti setempat bagi pelaksanaan kerja pemotongan rumput dan pembersihan parit dengan Penghulu, Ketua Kaum dan Pengerusi/Ketua Komuniti KJM di Bilik Allamanda, Perpustakaan DBKU.

- Lawatan Panel Penilai Anugerah Tandas Bersih 1Malaysia Peringkat Kebangsaan 2014.

17 – 18 September 2014

- Kursus Pengurusan Lean di Bilik Allamanda, Perpustakaan DBKU.

18 September 2014

- Majlis Pengiktirafan Anugerah Pengurusan Lean MAREQ dan I-Black di Sunway Pyramid Convention Centre dan disampaikan oleh YB Menteri MITI.

22 September 2014

- Lawatan Panel Penilai Bagi Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau.

30 September 2014

- Prebiu Slaid Anugerah High Performance Team (AHPT) 2014.
- Perbincangan Mempatenkan Hasil Inovasi DBKU di Bilik Anggerik.



1 STAF CADANGAN

Salurkan

Cadangan & Laporan Penambahbaikan/Inovasi



anda ke dalam

SISTEM e-QSMS

Cadangan Q yang diterima oleh Mesyuarat Majlis Inovasi dan Kreativiti (ICC) akan dibayar RM2.00




TAHNIAH !!!
PN. ASMAH ABU BAKAR
(BAHAGIAN ENG)
PENCADANG KE 7100






**STATISTIK CADANGAN Q DAN LAPORAN PENAMBAHBAIKAN/INOVASI
(JANUARI - SEPTEMBER 2014)**

Cadangan Q - 539
Penambahbaikan/Inovasi - 16



■ CADANGAN Q ■ PENAMBAHBAIKAN/INOVASI

**STATISTIK LAPORAN CADANGAN Q/PENAMBAHBAIKAN/INOVASI
MENGIKUT BAHAGIAN (JANUARI - SEPTEMBER 2014)**



Bahagian	Jumlah Staf	Pencapaian Cadangan Q
A D M	(21)	252%
A U D	(4)	2%
B D D	(12)	1%
B L G	(28)	46%
C O P	(15)	17%
C R D	(25)	8%
C T S	(6)	1%
C S S	(20)	2%
E N F	(48)	6%
E N G	(25)	120%
E N V	(125)	10%
F I N	(28)	47%
H R M	(16)	143%
I C T	(7)	43%
I M T	(90)	2%
I R M	(43)	10%
L A W	(13)	102%
L E S	(59)	33%
M N E	(36)	6%
L N P	(202)	94%
P R D	(12)	42%
S C Y	(106)	9%
T R I	(10)	34%
V A L	(38)	40%

■ CADANGAN Q ■ PENAMBAHBAIKAN/INOVASI





LAWATAN PANEL PENILAI PROGRAM PENGIKTIRAFAN PENGURUSAN LEAN (MPC) DI DBKU PADA 9 SEPTEMBER 2014





LAB KE-2 KFA DBKU 2014 PADA 10 SEPTEMBER 2014





ANUGERAH TANDAS BERSIH MALAYSIA PERINGKAT
KEBANGSAAN 2014 PADA 10 SEPTEMBER 2014





**KURSUS PENGURUSAN LEAN DI BILIK SEMINAR ALLAMANDA
PERPUSTAKAAN DBKU PADA 17-18 SEPTEMBER 2014**





SIJIL PENYERTAAN ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM 2014



*Kerajaan Malaysia dengan ini
mengiktiraf inisiatif inovasi*

Dewan Bandaraya Kuching Utara

sebagai finalis

Anugerah Inovasi Sektor Awam 2014

bagi kategori

**Anugerah Inovasi
Pihak Berkuasa Tempatan**

Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa
Ketua Setiausaha Negara
9 Oktober 2014





MAJLIS PENGIKTIRAFAN ANUGERAH PENGURUSAN LEAN DI SUNWAY PYRAMID CONVENTION CENTRE PADA 18 SEPTEMBER 2014





LAWATAN PANEL PENILAI BAGI PENGHARGAAN PELAKSANAAN INISIATIF KEJIRANAN HIJAU 2014 PADA 22 SEPTEMBER 2014



WAKIL PENGURUSAN SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU (IMS)



TUAN HAJI MORSHIDI AHMAD
Wakil Pengurusan Persekitaran
(Environmental Management Representative)
MS ISO 14001



ENCIK JUMAINI HAILI
Wakil Pengurusan Kualiti
(Quality Management Representative)
MS ISO 9001



TUAN HAJI MORSHIDI AHMAD
Wakil Pengurusan
Keselamatan & Kesihatan Di Tempat Kerja
(Occupational, Safety & Health
Management Representative) OHSAS 18001



RUDZAIMEIR MALEK
Timbalan Wakil Pengurusan Persekitaran
(Deputy Environmental Management Representative)
MS ISO 14001



ZURIMA SAFIAN
Timbalan Wakil Pengurusan Kualiti
(Deputy Quality Management Representative)
MS ISO 9001



KAPT.(B) MERAN AK. UBONG
Timbalan Wakil Pengurusan
Keselamatan & Kesihatan Di Tempat Kerja
(Deputy Occupational, Safety & Health
Management Representative) OHSAS 18001

**TESTIMONI BALANCED SCORECARD
DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA**

Menyedari beberapa kelemahan dan kekaburan pendekatan penilaian sebelumnya, DBKU memulakan pelaksanaan *Balanced Scorecard* pada tahun 2011 bertujuan untuk menyediakan preskripsi yang jelas tentang apa yang perlu untuk mengukur DBKU bagi mengimbangi pengeluaran terhadap perbelanjaan kewangan di samping menyediakan maklumat untuk tujuan perancangan yang cekap.

Dengan pelaksanaan *Balanced Scorecard*, DBKU telah mendapat faedah-faedah berikut: -

- Peningkatan kreativiti dan inisiatif di kalangan pegawai melalui matlamat organisasi yang jelas dan strategi DBKU.
- Memudahkan komunikasi dan memahami matlamat organisasi dan strategi di semua peringkat pegawai di DBKU.
- Menjajarkan langkah-langkah prestasi utama dengan strategi pada peringkat korporat.
- Pihak pengurusan dan pegawai mendapat gambaran yang menyeluruh mengenai operasi organisasi
- Pegawai-pegawai adalah lebih fokus dalam membantu satu sama lain untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan.
- Menyediakan maklum balas strategik dan pembelajaran ke arah konsep asas prestasi.

Kesimpulannya, *Balanced Scorecard* telah menyediakan DBKU dengan metrik prestasi yang boleh dipantau dan dikesan secara berterusan untuk mencari tren dan bidang yang perlu diperbaiki, jika perlu.



DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA POLISI SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU (IMS)

Dewan Bandaraya Kuching Utara, sebagai sebuah kuasa tempatan yang bertanggungjawab untuk membangun Kuching sebagai bandaraya pilihan yang berdayahuni dan dinamik, beriltizam untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan dengan mewujudkan persekitaran yang kondusif dan penyampaian perkhidmatan terunggul serta mengekalkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Menyadari bahawa perubahan adalah elemen penting yang mempengaruhi kecemerlangan organisasi, DBKU komited pada pengurusan kualiti menyeluruh, pencegahan pencemaran dan mengurangkan risiko melalui penambahbaikan berterusan seperti berikut:

*Dewan Bandaraya Kuching Utara, as a leading local authority responsible in developing Kuching as a vibrant livable city of choice, dedicates itself to enhance the quality of life by creating a conducive environment and best-in-class service delivery whilst maintaining safety and health at the place of work.
Recognising forces of change as the key elements in influencing organisational excellence, DBKU is committed to total quality management, prevention of pollution and minimisation of risks through continual improvement as follows:-*

- D - Tenaga kerja dan kepimpinan yang dinamik dalam Pengurusan Kualiti, Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan ke arah mempertingkatkan kesejahteraan pelanggan.
(Dynamic leadership and workforce in Quality, Environment, Safety and Health Management towards enhancing the well being of its customers)
- B - Amalan Terbaik dalam program Pengurusan Kualiti, aktiviti-aktiviti Alam Sekitar serta Keselamatan dan Kesihatan.
(Best practices in Quality Management programmes, Environmental, Safety and Health activities)
- K - Tenaga kerja yang berpengetahuan, berkebolehan dan inovatif melalui pembelajaran berterusan.
(Knowledgeable, capable and innovative workforce through continuous learning)
- U - Memahami dan memenuhi kehendak pelanggan.
(Understanding and meeting the needs of customers)
- C - Mematuhi undang-undang dan lain-lain keperluan yang relevan berhubung dengan Alam Sekitar, Keselamatan dan Kesihatan.
(Compliance with the relevant Environment, Safety and Health laws and other requirements)
- A - Program kesedaran berhubung dengan aspek Kualiti, Alam Sekitar serta Keselamatan dan Kesihatan kepada pihak berkepentingan.
(Awareness programmes on Quality, Environmental, Safety and Health aspects to all stakeholders)
- R - Mengurangkan pencemaran dan risiko serta mempertingkatkan konsep Guna Semula dan Kitar Semula.
(Reduce pollution and risk, enhance reuse and recycle concept)
- E - Sistem Pengurusan Alam Sekitar, Sistem Pengurusan Kualiti serta Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan melalui semakan berterusan terhadap objektif dan sasaran.
(Environmental Management System, Quality Management System, Safety and Health Management System through constant review of the objectives and targets)
- S - Pembangunan Bandar Lestari dengan menggalakkan penyertaan aktif komuniti.
(Sustainable urban development by encouraging active community participation)

[Dr. SAADIAH HAJI ABDUL SAMAT]

Pengarah
Dewan Bandaraya Kuching Utara

Tarikh: 16 Disember 2011





**STATUS CADANGAN Q SELEPAS KEPUTUSAN
DARI MESYUARAT INOVASI & KREATIVITI KE-87 PADA 25 SEPTEMBER 2014
(67 CADANGAN)**

Bil	No. Cadangan	Tajuk Cadangan	Status Cadangan
1.	5786	Bekerjasama dengan Bahagian PRD untuk menyediakan 'Human Resource Orientation Video' di mana Bahagian HRM mengumpul maklumat mengikut 'syllabus' dan ia dipersembahkan berbentuk 'visual/audio'	Cadangan diterima
2.	6111	Setiap bahagian membuat Survei Kepuasan Hati Pelanggan Dalamam ('Quarterly').	Cadangan diterima
3.	6377	Mencadangkan Kursus Bahasa Inggeris untuk Staf yang Bertugas di kaunter.	Cadangan diterima
4.	6494	Mengadakan seminar tentang keselamatan jalan raya terhadap kakitangan DBKU.	Cadangan diterima
5.	6533	Dicadangkan supaya dipasang Air Purifier di Bahagian BDD (Aras 4 dan Unit Kompaun Tingkat Bawah) untuk kegunaan pejabat kerana karpet di setiap tingkat tersebut sangat berbau, berdebu dan tiada pengaliran udara.	Cadangan diterima
6.	6592	Membina penutup parit di sepanjang Jalan Cenderawasih Semariang kerana jikalau tidak ditutup akan membahayakan nyawa penduduk-penduduk disitu terutamanya budak kecil yang sering bermain di luar.	Cadangan tidak diterima kerana 'hand railing' telah dibina di sepanjang jalan tersebut.
7.	6604	Memasang sensor untuk lampu di 'basement' Bangunan DBKU.	Cadangan tidak diterima kerana satu unit lampu limpah LED dan 'timer' telah dipasang di kawasan letak motosikal.
8.	6608	Memohon agar waktu bertugas telefonis dipanjangkan sehingga 5.30 petang kerana terdapat staf yang memilih Waktu Kerja Anjal 3 masih bertugas.	Cadangan diterima



Bil	No. Cadangan	Tajuk Cadangan	Status Cadangan
9.	6620	Menyediakan alat CPR untuk kegunaan 'First-Aider' yang telah dilantik atau disediakan di setiap tingkat Bangunan DBKU, setiap cawangan pejabat DBKU (Depo DBKU, Pejabat Satok, Perpustakaan DBKU, 'Site Office' DBKU).	Cadangan tidak diterima kerana 'First-Aider' yang sedia ada belum dilatih.
10.	6625	Kedai kraftangan serta restoran ataupun kedai makanan/minuman disediakan di sepanjang kawasan Esplanade dan menggantikan gerai-gerai peniaga kecil yang tidak sesuai di tempat tersebut.	Cadangan diterima
11.	6727	Memasang getah di hujung kaki seluar pakaian seragam untuk semua anggota keselamatan.	Cadangan diterima
12.	6732	Cadangan supaya dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah sebelum bacaan doa setiap pagi supaya dapat mendedahkan Al-Fatihah kepada mana-mana umat Islam yang telah meninggalkan dunia.	Cadangan diterima
13.	6749	Memindahkah 'outlet grease trap pipe' dari atas ke bawah dalam tandas wanita Aras 1 Bangunan DBKU supaya dapat mengurangkan bau.	Cadangan diterima
14.	6762	Setiap kali mendapat berita kematian pegawai atau ahli keluarga pegawai DBKU yang beragama Islam, bacaan Al-Fatihah didengarkan di siaraya bagi mengumumkan berita sedih.	Cadangan diterima
15.	6791	Menukar baru 'BLIND' yang kebanyakannya telah rosak di pejabat Bahagian IMT dan MNE.	Cadangan diterima
16.	6822	Insentif pendidikan kepada ahli/anak Ahli Kelab Sukan dan Rekreasi untuk kemasukan ke matrikulasi dan IPTA/IPTS kerana insentif sebelum hanya secara pinjaman dan dibayar balik oleh ahli kelab sendiri. Memadailah insentif tersebut diberi percuma sebanyak RM300.00 atau RM200.00 bagi meringankan sedikit beban tanggungan kewangan untuk ahli/anak ahli yang melanjutkan pelajaran.	Cadangan diterima



Bil	No. Cadangan	Tajuk Cadangan	Status Cadangan
17.	6848	Penyediaan tong sampah di sepanjang 'walkway' Boyan/Gersik/Sourabaya (BGS) berdekatan Kampung Boyan. Mengelakkan pembuangan sampah di merata tempat dan ke dalam sungai.	Cadangan tidak diterima kerana tong sampah telah disediakan di premis jualan berdekatan.
18.	6850	Keadaan e-mel 'Zimbra Web Client' sekarang hanya boleh 'sign in' untuk satu pengguna sahaja. Sekiranya hendak menyemak e-mel di bawah 'nama pengguna sendiri' terpaksa 'sign out' dari e-mel 'bahagian' dahulu dan 'log in' untuk e-mel di bawah 'nama pengguna sendiri'. Keadaan ini menyulitkan staf untuk menyemak e-mel persendirian dan e-mel bahagian serentak tanpa perlu 'log out'. Memandangkan DBKU menuju ke arah Pengurusan Lean, perkara seperti ini haruslah diberi perhatian. Apabila staf perlu 'log in' dan 'log out' beberapa kali untuk menyemak e-mel, ini membuang masa terutama ketika staf sibuk dengan kerja yang harus disiapkan dengan kadar segera.	Cadangan tidak diterima kerana ia merupakan kawalan keselamatan ICT dan e-mel kerajaan.
19.	6852	Penanaman pokok bunga 'Terminalia-Mantany' di sekeliling kawasan Bangunan DBKU.	Cadangan tidak diterima kerana pokok tersebut tidak sesuai ditanam di kawasan berbatu.
20.	6853	Mengubahsuai langsir dalam Auditorium DBKU berkonsepkan warna hijau dan kuning. Bersesuaian dengan 25 tahun penubuhan DBKU.	Cadangan tidak diterima kerana langsir masih dalam keadaan baik.
21.	6854	Membuat lampu isyarat di Jalan Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahudin.	Cadangan tidak diterima kerana kos membuat lampu isyarat tersebut berjumlah RM300,000.00 dan tiada peruntukan khusus. Namun demikian, tindakan memasang 'road marking', 'travest bar' dan 'yellow box' telah dibuat.





Bil	No. Cadangan	Tajuk Cadangan	Status Cadangan
22.	6865	Mencadangkan pagar besi (barricade) yang buat masa sekarang di bawah seliaan Bhg. ENV ditukar ke Bahagian SCY (Keselamatan).	Cadangan tidak diterima kerana tidak ada lori khas, kurang tenaga Pekerja Am untuk kerja-kerja menyusun dan mengangkat serta tempat stor simpanan yang luas.
23.	6870	Perancangan dan penetapan kursus dalaman/luaran yang dirancang selepas analisa keperluan latihan kakitangan (TNA) hendaklah diperuntukkan belanjawan selepas kelulusan pihak Pengurusan. Penetapan peruntukan belanjawan mengikut projek/program yang telah dirancang dan diluluskan mengenai jawatankuasa terlibat. Contoh - Program tahunan persekitaran ('environmental programme' dan 'OSH programme') yang wajib dijalankan selepas kelulusan Mesyuarat Pengurusan (MR).	Cadangan tidak diterima kerana telah dilaksanakan.
24.	6884	Pemasangan TV berbentuk pendidikan di ruang membaca kanak-kanak Perpustakaan DBKU di mana terdapat cara-cara menjawab soalan UPSR, PMR, SPM dan STPM pada masa-masa yang tertentu. TV dipasang dalam bentuk pendidikan sahaja.	Cadangan diterima.
25.	6885	<p>Memasang papan tanda jalan berisiko bagi memastikan pihak berkuasa telah memaklumkan bahawa kawasan berisiko. Dengan adanya papan tanda ini, pengguna boleh mengguna jalan alternatif (jika cuaca buruk). Pihak berkuasa telah bertanggungjawab memberi amaran melalui papan tanda yang disediakan.</p> <p>Ekoran insiden di luar jangka seperti pokok patah/jatuh di jalan raya menyebabkan kemalangan atau berisiko mencederakan pengguna jalan raya terutamanya kenderaan. Memberi implikasi yang negatif kepada jabatan yang bertanggungjawab menyelenggara dan memelihara pokok di Bandaraya Kuching. Ia juga memberi tanggapan buruk kepada program CBS - 'tidak selamat'.</p>	Cadangan tidak diterima kerana pemasangan papan tanda mengikut kesesuaian jalan dan berdasarkan arahan teknik Jabatan Kerja Raya.



Bil	No. Cadangan	Tajuk Cadangan	Status Cadangan
26.	6892	Semua cap nama jawatan staf mengikut jawatan sebenar - Cap tanda jawatan staf hendaklah jelas kerana ketika ini dalam sistem SSM terdapat jawatan mempunyai Hakiki/KUP/Jumud.	Cadangan tidak diterima kerana tidak perlu letak jawatan Hakiki/KUP/Jumud dalam cap nama jawatan.
27.	6893	Sistem aduan awam menggunakan aplikasi 'whatsapp' untuk memudahkan pengadu menghantar gambar aduan dan memudahkan proses pelaksanaan dibuat berdasarkan gambar yang dihantar.	Cadangan tidak diterima kerana Kerajaan Negeri akan melancarkan aplikasi yang serupa dengan 'whatapps' untuk kegunaan aduan awam.
28.	6894	Membeli alas meja bulat untuk penggunaan di Bilik Seminar Allamanda, Perpustakaan DBKU.	Cadangan diterima.
29.	6897	Menyeragam pemasangan bingkai besi keluli yang mempunyai 'spring' di bahagian hujung untuk 'bunting' iklan pada tiang-tiang lampu. Seperti yang telah diguna pakai di sepanjang jalan naik ke Bangunan DBKU.	Cadangan tidak diterima kerana Bahagian LES masih mencari kaedah/cara-cara yang lebih praktikal.
30.	6899	Membuat tempat letak kereta berbumbung di luar Bangunan DBKU supaya kenderaan staf tidak rosak terkena pancaran panas matahari dan melindungi kenderaan daripada najis burung.	Cadangan tidak diterima kerana tiada peruntukan.
31.	6903	Bilik kosong di sebelah Bilik Seminar Allamanda, Perpustakaan DBKU dijadikan bilik latihan computer yang boleh digunakan oleh staf atau disewa kepada orang luar.	Cadangan tidak diterima kerana tiada peruntukan dan latihan komputer jarang diadakan di situ.
32.	6904	Membuat bumbung pejalan kaki dari bawah Bukit Siol ke Bangunan DBKU bagi memberi kemudahan kepada pengunjung atau orang ramai ke Bangunan DBKU.	Cadangan tidak diterima kerana kos yang amat tinggi dan jumlah pejalan kaki yang sedikit.
33.	6916	Pengindahan Jambatan Tun Abdul Rahman Yaakub (Satok) - pemasangan air pancut.	Cadangan tidak diterima kerana melibatkan kos yang tinggi serta tiada peruntukan.



Bil	No. Cadangan	Tajuk Cadangan	Status Cadangan
34.	6917	Pengindahan Sungai Bintangor dengan memasang lampu warna-warni.	Cadangan tidak diterima kerana kawasan tersebut telahpun mempunyai pencahayaan dan buat masa sekarang fokus pengindahan adalah untuk kawasan taman.
35.	6923	Mengadakan Bazar Ramadan di tempat letak kereta hadapan Masjid Bahagian (Padang Pasir) pada tahun 2015 untuk memudahkan orang ramai membeli juadah berbuka Puasa.	Cadangan tidak diterima kerana tempat tersebut digunakan untuk letak kereta berbayar pada hari biasa, untuk Jemaah semasa Sembahyang Jumaat dan juga Terawih. Jika digunakan, perlu membayar kepada KCPS dan juga menyebabkan kesesakan lalu lintas.
36.	6926	Menggunakan kaedah 'rubbish bin' yang kreatif untuk diletakkan di sekitar bandar raya sebagai tarikan pengguna.	Cadangan tidak diterima kerana DBKU menuju ke arah 'Bin-Less City'.
37.	6929	Pemantauan Pegawai Zon diurus oleh Bahagian CRD selaras dengan fungsi bahagian tersebut.	Cadangan tidak diterima kerana tanggungjawab Pegawai Zon melibatkan fungsi-fungsi di pelbagai bahagian, bukan tertumpu kepada program komuniti sahaja.
38.	6938	Mengadakan taklimat berkenaan isi kandungan Kod Etika Integriti DBKU yang telah diedarkan ke semua bahagian (memo bertarikh 17 Julai 2014) agar staf benar-benar memahami isi kandungan tersebut.	Cadangan tidak diterima kerana memang dalam perancangan untuk mengadakan taklimat tersebut dalam bulan Oktober 2014.
39.	6945	Perangkap anjing liar - DBKU mengadaptasikan ciptaan KIK dari Majlis Daerah Serian dan Limbang berkaitan dengan perangkap anjing yang baru-baru ini memenangi Pertandingan Konvensyen KIK Peringkat Negeri.	Cadangan tidak diterima kerana tidak praktikal dan mudah pecah.



Bil	No. Cadangan	Tajuk Cadangan	Status Cadangan
40.	6949	Nombor yang tertera pada pas staf mengikut nombor fail staf dalam DBKU seperti mana yang dilaksanakan pada pas sebelum pas baru ini. Nombor yang tertera hendaklah juga menggunakan 'font' besar.	Cadangan tidak diterima kerana nombor tidak berturutan.
41.	6950	Memfaatkan Panggung Udara di Taman Budaya - Satu senarai aktiviti seni tahunan dan berkaitan diadakan sepanjang tahun dengan kerjasama NGO serta persatuan di Panggung Udara yang merangkumi kesenian pelbagai kaum dan 'genre' persembahan seperti Teater Bangsawan, tradisional, melayu moden, Inggeris, Cina, Opera Cina, Muzikal 'Broadway' Inggeris, muzikal tempatan dan antarabangsa, Orkestra Klasik Cina, Festival Teater, Festival Tarian, Pertandingan Piano Antarabangsa, Pertandingan Pantun, Drama Tari, Tarian Kontemporari, Tarian Moden dan banyak lagi.	Cadangan tidak diterima kerana Bahagian CRD memang ada menjalankan sebahagian aktiviti yang telah dicadangkan.
42.	6956	Ramah Tamah Aidilfitri DBKU diadakan di luar kawasan Ibu Pejabat, Bangunan DBKU seperti di Taman Orkid DBKU, Panggung Udara atau di mana-mana tempat strategik.	Cadangan tidak diterima kerana telah dilaksanakan seperti Ramah Tamah Aidilfitri DBKU tahun 2014 yang telah diadakan di Depo DBKU.
43.	6959	Mewujudkan satu borang penyerahan tugas beserta maklumat kenderaan dan senarai semak yang dipersetujui bersama di antara pemandu. Ini disebabkan kenderaan di Bahagian ADM diguna/dipandu oleh pelbagai pemandu mengikut giliran dan keperluan.	Cadangan tidak diterima kerana SOP pemandu telah disediakan untuk rujukan.
44.	6960	Menggunakan lampu isyarat jenis bergantung.	Cadangan tidak diterima kerana tidak praktikal untuk kawasan DBKU.
45.	6961	Meletakkan lampu isyarat di laluan ke SMK Tun Abang Haji Openg/Jalan Malindo Off Jalan Bako.	Cadangan tidak diterima kerana memerlukan kajian terperinci.





Bil	No. Cadangan	Tajuk Cadangan	Status Cadangan
46.	6963	Bahagian yang memerlukan perkhidmatan penghantaran surat untuk dipos hendaklah mengurus sendiri penghantaran ataupun menggunakan khidmat penghantar luar untuk menghantar surat ke Bahagian ADM dan Bahagian ADM akan menyediakan pengangkutan (jika perlu) dari bahagian berkenaan ke Bangunan DBKU.	Cadangan tidak diterima kerana penghantaran surat secara pos dipusatkan di Bahagian ADM (kecuali Bahagian VAL) untuk memudahkan pemantauan kos terlibat.
47.	6970	Mengadakan Pesta Makanan sempena Hari Bandaraya di kawasan DBKU.	Cadangan tidak diterima kerana tiada tempat yang sesuai seperti MBKS (Padungan).
48.	6972	Memastikan Bahagian BDD menyemak dengan betul alamat orang yang dikenakan saman (OKS) dan membuat satu daftar rujukan OKS jika alamat tersebut pernah dihantar surat berkaitan saman agar tidak menghantar ke alamat yang sama berulang-ulang.	Cadangan tidak diterima kerana memang telah dilaksanakan.
49.	6974	Menyediakan peti untuk barang ('lost and found') di lobi Bangunan DBKU bersebelahan Kaunter Informasi	Cadangan tidak diterima kerana tidak praktikal dan tidak sesuai diletak bersebelahan Kaunter Informasi. Barang yang ditemui boleh diserahkan kepada staf Bahagian PRD atau Bahagian SCY yang bertugas.
50.	6975	Menyediakan peti untuk pungutan surat di lobi Bangunan DBKU.	Cadangan tidak diterima kerana memadai dengan 'pigeon hole' yang disediakan di Bahagian ADM.
51.	6977	Meletakkan laporan hasil lawatan sambil belajar beserta gambar pegawai DBKU yang telah mengadakan lawatan sama ada dalam dan luar negeri di papan notis, dalam lif, kafetaria dan ruang menunggu di lobi Bangunan DBKU.	Cadangan tidak diterima kerana tidak praktikal. Sebaliknya laporan akan dimuatkan dalam Portal WargaKU untuk perkongsian ilmu.



Bil	No. Cadangan	Tajuk Cadangan	Status Cadangan
52.	6982	DBKU mengadaptasikan mesin ciptaan KIK DBKL iaitu 'Robust Grass Cutter Brush' untuk memudahkan pembersihan iklan-iklan haram yang dilekatkan pada dinding bangunan dalam kawasan DBKU.	Cadangan tidak diterima kerana kebanyakan iklan tidak menggunakan jenis pelekat ('sticker').
53.	6993	Sistem laporan status dan keputusan kes-kes terkini diwujudkan bagi membolehkan status kes tunggakan (cukai pintu/letak kereta) dipaparkan secara atas talian melalui Portal DBKU. Sistem ini turut membolehkan pengguna termasuk orang awam untuk melihat kes-kes yang diselesaikan di mahkamah pada hari yang sama secara atas talian.	Cadangan tidak diterima kerana:- <ol style="list-style-type: none">1. DBKU perlu ada sistem tersebut;2. Pihak luar perlu mendaftar dalam sistem ini;3. Maklumat kes adalah terhad; dan4. Semua orang boleh melihat dan mengetahui kes-kes tunggakan yang mana tidak semua orang mahu kes-kes tunggakan mereka dilihat oleh orang lain.
54.	6994	Penempatan dan tugas yang hendak diberi kepada pelajar praktikal mestilah bersesuaian dengan bidang yang diceburi mereka, bukannya tugas-tugas yang tiada kaitan. Sebagai contoh membantu tugas-tugas mengangkat barang, menyimpan surat ke dalam fail dan lain-lain yang tiada kaitan dengan jurusan mereka.	Cadangan tidak diterima kerana penempatan dan tugas pelajar praktikal tidak semestinya berkaitan dengan bidang yang diceburi. Tujuan penempatan mereka adalah untuk memberi pendedahan persekitaran suasana bekerja dan cara berkomunikasi.
55.	7002	Dewan Serbaguna Depo DBKU - Setiap pemain luar yang bermain badminton dikenakan caj mengikut jam. Contoh: 1 jam dikenakan caj sebanyak RM10.00 seorang.	Cadangan tidak diterima kerana banyak barang-barang kelengkapan kerja di Depo DBKU dan kawasan tersebut adalah kawasan larangan.



Bil	No. Cadangan	Tajuk Cadangan	Status Cadangan
56.	7004	'PC Bump' - Mencadag agar DBKU berusaha mengguna 'Precast Concrete Bump' dengan mencuba, mereka bentuk serta menguji bonggol campuran konkrit dan gentian kaca fiber untuk kawasan kampung atau kawasan yang trafiknya kurang. Bonggol jenis ini sekiranya berjaya, mungkin lebih murah daripada bonggol besi yang diimport.	Cadangan tidak diterima kerana 'Precast Concrete Bump' lebih tinggi kos pemasangan dan penyelenggaraan.
57.	7008	Mengadakan Ramah Tamah Aidilfitri bersempena Pesta Kuching 2015.	Cadangan tidak diterima kerana Majlis Makan Malam Tahunan DBKU telah diadakan.
58.	7023	Memasang 'wifi' di Bahagian CSS untuk kemudahan staf mencari maklumat berkenaan dengan Bahagian CSS.	Cadangan tidak diterima kerana infrastruktur SarawakNet telah disediakan untuk kegunaan bahagian melayari Internet.
59.	7028	Permohonan kursus secara atas talian untuk memudahkan staf mengemukakan permohonan kursus dan mudah dipantau oleh pegawai di Bahagian HRM.	Cadangan tidak diterima kerana memang dalam perancangan.
60.	7034	Memberi insentif kepada staf DBKU yang melaporkan kejadian rumah baru atau rumah yang telah diubahsuai ('renovate') bagi memudahkan staf Bahagian VAL turun padang membuat penilaian semula.	Cadangan tidak diterima kerana tidak praktikal. Walau bagaimanapun, 'reassessment' ke atas rumah yang telah diubah suai sedang dijalankan.
61.	7037	Membuat promosi melariskan jualan baja kompos dengan pemberian pek 1 kg percuma untuk setiap 10 kg pembelian baja tersebut. Notis pemberitahuan melalui e-mel dan semua papan notis DBKU, Laman Web DBKU, Perpustakaan, surat khabar dan semua kaunter DBKU.	Cadangan tidak diterima kerana telah dilaksanakan di mana setiap kali ada pameran, pembelian 5 kg baja kompos akan diberi percuma 1 kg baja kompos.





Bil	No. Cadangan	Tajuk Cadangan	Status Cadangan
62.	7042	Menyedia tong sampah di kedua belah semua jejantas dalam kawasan DBKU supaya sampah sarap dibuang secara betul dan kawasan tidak kotor dengan sampah sarap yang berselerak. Contoh di jejantas SMK St. Joseph/SMK St. Teresa.	Cadangan tidak diterima kerana DBKU ke arah 'bin less city'. Sebelum ini tong sampah telah disediakan di kedua belah semua jejantas di kawasan DBKU, namun perkhidmatan tidak diguna dan dirosakkan oleh masyarakat yang tidak bertanggungjawab.
63.	7053	Mengalakkan staf wanita muslim memakai tudung semasa Hari Jumaat.	Cadangan tidak diterima kerana isu pemakaian tudung adalah di luar bidang kuasa dan terpulang kepada individu masing-masing untuk melaksanakannya.
64.	7056	<p>Penghadang konkrit mudah alih - DBKU khasnya Bahagian IMT dapat mencari ilham dan idea untuk mereka bentuk satu penghadang ('barrier') mudah alih yang sederhana berat, panjang, saiz dan mudah untuk diletakkan sebagai penghalang sementara di pembahagi jalan.</p> <p>Pada masa kini, banyak jalan telah diturapkan semula sehingga ketinggian bebendul jalan ('road kerb') menjadi lebih rendah sehingga mudah sekali dilintasi oleh motosikal dan kereta.</p> <p>Ini akan mengakibat sebahagian jalan kurang selamat kerana dapat dilintasi sebagai jalan pintas terutama di jalan dua hala.</p>	Cadangan tidak diterima kerana memang dalam perancangan.
65.	7059	Penjagaan 'street art' Lebu India - Membenarkan satu gerai (sekaligus dapat menjaga 'street art' tersebut) menjual minuman dan buah untuk pengunjung membeli dan mengambil gambar. Hasil jualan dimiliki oleh tuan punya gerai yang dilantik oleh DBKU/Kelab Sukan dan Rekreasi DBKU. Tuan punya gerai tersebut dipertanggungjawabkan untuk menjaga lukisan 'street art' atas dinding agar tidak diconteng dan kebersihan tapak dijaga bersih.	Cadangan tidak diterima kerana menghalang laluan pejalan kaki.





Bil	No. Cadangan	Tajuk Cadangan	Status Cadangan
66.	7060	Pemberian jam dinding berlogokan DBKU untuk pegawai yang berkhidmat 25 tahun sebagai kenang-kenangan.	Cadangan tidak diterima kerana pegawai-pegawai yang berkhidmat 25 tahun diberi jam tangan berlogo DBKU.
67.	7061	Menanam pokok Belian di tepian jalan.	Cadangan tidak diterima kerana pokok Belian tidak sesuai ditanam di tepi jalan sebab perlu ditanam secara berkelompok dengan pokok tanaman lain dan juga 'slow growing' di mana ia telah diuji cuba ditanam di Pustaka Negeri Sarawak. Salah satu faktor juga, ia akan mengundang kecurian. Walau bagaimanapun, boleh diuji cuba untuk ditanam di taman-taman rekreasi DBKU.



**CADANGAN Q TIDAK DITERIMA UNTUK BULAN SEPTEMBER 2014
(20 CADANGAN)**

Bil	No. Cadangan	Tajuk Cadangan	Status Cadangan
1.	7082	Mewajibkan setiap bahagian mempunyai peti kecemasan dan memastikan peti kecemasan dipamer di tempat yang sesuai dan jelas diletak di dinding di depan pintu masuk pejabat dan di tempat yang dapat di lihat.	Cadangan tidak diterima kerana memang tanggungjawab setiap bahagian untuk mempunyai peti kecemasan di bahagian masing-masing seperti kehendak OHSAS 18001.
2.	7088	Survey penyediaan Taska atau Tempat Penjagaan anak-anak kakitangan DBKU perlu dijalankan bagi memastikan keperluan tersebut jika kurang mendapat sambutan ia perlu dibuka kepada pihak luar juga dengan kadar bayaran yang lebih rendah daripada tempat lain.	Cadangan tidak diterima kerana berulang dengan cadangan No. 5271, 6998, 5729, 0451,0713, 2578, 3951 dan 4898. Cadangan tidak diterima kerana tiada peruntukan.
3.	7090	Menyediakan 'watercooler' di lobi DBKU. Walaupun cadangan ini berulang tetapi ianya amat diperlukan untuk kakitangan DBKU.	Cadangan tidak diterima kerana berulang dengan cadangan No. 6823, 0485, 1811, 1064, 2154, 4929 dan 6003. Cadangan tidak diterima kerana staf boleh membawa air sendiri dari rumah atau membelinya di Kafeteria.
4.	7094	Pembayaran 'online' untuk bil-bil ('payment through internet banking').	Cadangan tidak diterima kerana berulang dengan cadangan No. 5121. Cadangan tidak diterima kerana telah dilaksanakan melalui Paybills Malaysia.
5.	7096	Mengantikan pokok-pokok besar di tepi jalan bawah jagaan DBKU dengan pokok yang bersaiz kecil dan lebih tahan ditiup angin.	Cadangan tidak diterima kerana berulang dengan cadangan No. 6990, 5045, 4584 dan 1214. Cadangan tidak diterima kerana memang sudah dilaksanakan.
6.	7097	Kematian - disiarkan dalam akhbar tempatansakit/pembedahan/ dimasukkan ke hospital - Disiar melalui FB/INSTA/EMEL/siar raya dalam dan sebagainya.	Cadangan tidak diterima kerana berulang dengan cadangan No. 5080. Cadangan tidak diterima kerana sudah dilaksanakan.
7.	7098	Setiap kali mesyuarat disediakan tisu di atas meja Q.	Cadangan tidak diterima kerana penyediaan tisu di meja Q di setiap bahagian sepatutnya diambil tindakan oleh bahagian masing-masing.



Bil	No. Cadangan	Tajuk Cadangan	Status Cadangan
8.	7102	Bahagian HRM perlu membuat penilaian dan tapisan staf yang dicalonkan untuk menghadiri kursus/bengkel yang dianjurkan. Pihak HRM perlu mempunyai pengetahuan dan memahami tujuan kursus/bengkel diadakan supaya pegawai yang dicalonkan adalah mereka yang benar-benar memerlukan dan berkelayakan.	Cadangan tidak diterima kerana tidak praktikal kerana kebiasaannya staf dicalonkan oleh pihak Pengurusan/Bahagian yang menganjur/Ketua Bahagian masing-masing yang lebih arif tentang tugas yang dilaksanakan oleh staf mereka.
9.	7105	Membuat atau membina tempat pejalan kaki (footpath) di kawasan foyer menuju ke tiang bendera.	Cadangan tidak diterima kerana berulang dengan cadangan No. 7077. Cadangan ini masih dalam tindakan Bahagian LNP.
10.	7106	Memudahkan komunikasi antara orang yang memegang dengan staf yang meneropong. Agar tidak menggunakan handphone.	Cadangan tidak diterima kerana berulang dengan cadangan No. 5584. Cadangan tidak diterima kerana kerja survei bukan tugas harian.
11.	7107	Dicadangkan supaya Jalan Nanas iaitu sepanjang lampu isyarat ke Lim Kok Wing hingga ke SMK Chung Hua oleh sebab jalan yang berlubang dan tidak rata dapat dibaiki ataupun diturap kerana jalan tersebut telah rosak dan sangat merbahaya kepada pengguna jalan raya.	Cadangan tidak diterima kerana berupa aduan dan pencadang diminta mengemukakannya sebagai CPA melalui Talikhidmat (Bahagian CSS).
12.	7109	Cadangan Q yang sudah lama dari tahun 1997 sampai 2011 (15 tahun) perlu dipadamkan dari sistem cadangan Q kerana memenuhi data server.	Cadangan tidak diterima kerana untuk tujuan rekod. Mana-mana cadangan yang didapati sesuai dan berinovatif akan tetap diterima walaupun pernah dicadangkan sebelum ini untuk tindakan.
13.	7110	Memandangkan mesyuarat di DBKU diadakan setiap hari dan setiap masa, lebih baik jika penyediaan berbentuk buah-buahan sahaja yang dibenarkan.	Cadangan tidak diterima kerana bergantung kepada tempoh masa mesyuarat dijalankan.
14.	7111	Bagi menimba pengalaman di tempat lain contohnya lawatan kerja ke DBKL dan sebagainya.	Cadangan tidak diterima kerana berulang dengan cadangan No. 6124 dan 6443. Cadangan tidak diterima kerana permohonan boleh dibuat oleh Ketua Bahagian masing-masing dan tertakluk kepada peruntukan.



Bil	No. Cadangan	Tajuk Cadangan	Status Cadangan
15.	7112	Kebanyakan pokok-pokok di kawasan DBKU pada masa sekarang sudah berusia dan perlu ditebang atau dicantas dahan/ranting bagi memastikan keselamatan orang awam dan kenderaan. Mengenal pasti pokok yang berisiko tinggi untuk tumbang serta dahan/ranting yang akan patah.	Cadangan tidak diterima kerana berulang dengan cadangan No. 6506 dan 5580. Cadangan tidak diterima kerana berupa aduan dan pencadang diminta mengemukakannya sebagai CPA melalui Talikhidmat (Bahagian CSS).
16.	7113	Memberi pengiktirafan kepada bahagian-bahagian yang berjaya mencapai sasaran 100% dalam Perancangan Strategik. Pengiktirafan dicadangkan dibuat secara tahunan semasa Majlis Sambutan Hari Inovasi.	Cadangan tidak diterima kerana telah ada pengiktirafan semasa Hari Inovasi dan PTDB serta Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.
17.	7114	Dicadangkan agar senarai 'Audit Finding' semasa menjalankan 'Internal Audit' dijadikan sebagai salah satu alternatif atau cara pemilihan projek Kumpulan KIK, Lean atau KFA.	Cadangan tidak diterima kerana memang telah dilaksanakan.
18.	7116	Menaiktaraf pejabat dengan penukaran kerusi meja yang lebih baik dan teratur pemasangan partition untuk membahagi Bahagian dan Unit.	Cadangan tidak diterima kerana berulang dengan cadangan No. 6754, 0545, 5745, 5645, 4598, 4848 dan 4855. Cadangan tidak diterima kerana memang dalam perhatian Bahagian ADM, namun tertakluk kepada peruntukan.
19.	7117	Menanam semula pokok-pokok renek di tepian jalan dan lorong.	Cadangan tidak diterima kerana berulang dengan cadangan No. 7096, 6990, 5045, 4584 dan 1214. Cadangan tidak diterima kerana usaha-usaha menanam dan menyelenggara pokok merupakan program berterusan DBKU. Penanaman pokok di tepian jalan akan sentiasa menilai aspek kesesuaian pokok tersebut dan bagi pokok-pokok besar yang dilihat sekarang telah ditanam oleh pihak KMC dahulu.
20.	7124	Building of a life cats museum for attraction to the world.	Cadangan tidak diterima kerana berulang dengan cadangan No. 3601 dan 0523. Cadangan tidak diterima kerana penyelenggaraan yang amat tinggi.